PENGARAH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI PERAK lwn. AMBANK (M) BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
BHUPINDAR SINGH PK
[RAYUAN SIVIL NO: AA-12ANCC-1-06-2020]
25 FEBRUARI 2022

Abstrak – *Kepentingan awam memerlukan kemuktamadan dalam litigasi dan apabila perkara sama yang telah diputuskan meritnya, dibangkitkan semula, doktrin res judicata akan terpakai untuk menghalang tindakan tersebut. Dalam kes ini, permohonan kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga melibatkan perkara sama yang telah diputuskan secara muktamad di mahkamah terdahulu dan tiada pengecualian terpakai. Oleh itu, permohonan tersebut tidak wajar dibenarkan.*

PROSEDUR SIVIL: *Prosiding pihak ketiga – Tindakan – Rayuan terhadap kebenaran – Perkara sama dibangkitkan dan diputuskan dalam permohonan terdahulu – Sama ada merit permohonan didengar dan diputuskan secara muktamad – Sama ada prosedur sepatutnya adalah rayuan terhadap keputusan – Sama ada perkara permohonan res judicata – Sama ada estopel isu terpakai*

PROSEDUR SIVIL: *Res judicata – Isu-isu, persamaan – Permohonan notis pihak ketiga – Rayuan terhadap kebenaran – Perkara sama dibangkitkan dan diputuskan dalam permohonan terdahulu – Sama ada merit permohonan telah didengar dan diputuskan secara muktamad – Sama ada prosedur sepatutnya adalah rayuan terhadap keputusan – Sama ada perkara permohonan res judicata – Sama ada estopel isu terpakai – Sama ada pengecualian doktrin res judicata dibuktikan*

Plaintif memasuki perjanjian sewa beli bertarikh 6 September 2013 dengan defendan untuk pembelian kereta dengan nombor pendaftaran WUV 2939 ('kereta'). Menurut plaintif, pada 21 Disember 2015 dia menerima surat daripada Jabatan Pengangkutan Jalan ('JPJ') untuk menghantar kereta tersebut ke JPJ Kuala Lumpur kerana disyaki enjin kereta tersebut telah diusik. Selepas disahkan berdasarkan laporan kimia bahawa kereta itu adalah kereta curi, JPJ menahan kereta itu. Oleh itu, pada 7 Disember 2016, plaintif memfailkan tindakan sivil terhadap defendan ('Guaman Sivil 2016'). Defendan sebaliknya memfailkan notis permohonan kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga yang keempat terhadap Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak bertarikh 27 Januari 2017 ('notis permohonan 2017'). Defendan mendakwa, dalam perbicaraan Guaman Sivil 2016, keterangan saksi dari JPJ Ipoh, SP1, menunjukkan bahawa terdapat sistem atau prosedur polis yang akan memaklumkan tentang laporan kecurian kereta secara serta-merta kepada pihak JPJ. Walau bagaimanapun,

setelah SP1 selesai memberi keterangan, plaintif menarik balik Guaman Sivil 2016 dengan kebebasan untuk memfailkan semula. Notis permohonan 2017 ditolak Hakim Mahkamah Sesyen dan rayuan defendan ke Mahkamah Tinggi juga ditolak. Defendan tidak merayu ke Mahkamah Rayuan. Pada 29 Ogos 2019, plaintif memfailkan semula tindakan sivil yang sama terhadap defendan ('tindakan ini'). Defendan kemudian memfailkan notis permohonan untuk kebenaran mengeluarkan notis pihak ketiga terhadap Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak pada 15 November 2019 sebagai pihak ketiga yang keempat ('notis permohonan 2019'). Hakim Mahkamah Sesyen membenarkan notis permohonan 2019 dan oleh itu, rayuan pihak ketiga terhadap keputusan tersebut.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Satu kes *prima facie* perlu dibuktikan sebelum mahkamah boleh memerintahkan agar notis pihak ketiga dikeluarkan terhadap pihak ketiga yang dicadangkan. Melalui tindakan ini, defendan sekali lagi memfailkan permohonan yang sama seperti notis permohonan 2017 walaupun merit notis permohonan itu telah didengar di Mahkamah Sesyen dan ekoran rayuan, di Mahkamah Tinggi. Tindakan defendan ini diestop atau dihalang oleh doktrin *res judicata* kerana kausa tindakan dan isu yang melibatkan perkara sama telah dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah sebelum ini. Perkara yang telah dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah tidak boleh dijadikan subjek litigasi semula kerana terdapat penghakiman yang telah memutuskan perkara ini secara muktamad. Oleh itu, estopel isu terpakai dalam kes ini. (perenggan 13, 16 & 18)

(2) Defendan, dengan memfailkan notis permohonan 2019 tentang isu sama yang telah diputuskan dalam notis permohonan 2017, secara tidak langsung mencabar ketepatan keputusan dan penghakiman muktamad mahkamah terhadap notis permohonan 2017. Defendan, jika tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tentang notis permohonan 2017, sepatutnya memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan tetapi defendan tidak berbuat demikian. (perenggan 20)

(3) Walaupun terdapat prosedur atau sistem polis yang akan memaklumkan kecurian kereta secara serta-merta kepada JPJ, kereta yang dicuri mempunyai nombor pendaftaran WSJ 8938. Oleh itu, maklumat yang akan disalurkan oleh pihak polis kepada JPJ adalah hanya tentang kereta WSJ 8938. Semasa pendaftaran penukaran hak milik kereta plaintif, kereta itu didaftarkan dengan menggunakan nombor pendaftaran WUV 2939 dan bukannya WSJ 8938. Pada masa tersebut pihak ketiga tidak mengetahui bahawa kereta WUV 2939 sebenarnya ialah kereta curi WSJ 8938. Malahan, pihak JPJ sendiri hanya mengetahui hal ini setelah penahanan dan pemeriksaan kimia dibuat terhadap kereta WUV 2939. Pihak ketiga juga tidak mempunyai tanggungjawab untuk memeriksa kereta itu sebelum pendaftaran penukaran hak milik dilaksanakan dan

telah mendaftarkan kereta tersebut berdasarkan pemeriksaan yang dibuat oleh Puspakom. Oleh itu, isu terdapat sistem pemakluman daripada polis kepada JPJ secara serta-merta mengenai kenderaan yang dicuri bukanlah keterangan yang membolehkan pengecualian doktrin *res judicata* terpakai. (perenggan 25-28)

Kes-kes yang dirujuk:

Asia Commercial Finance (M) Bhd v. Kawal Teliti Sdn Bhd [1995] 3 CLJ 783 SC ***(dirujuk)***

China Airlines Ltd v. Maltran Air Corp Sdn Bhd & Another Appeal [1996] 3 CLJ 163 FC ***(dirujuk)***

Chung Hwa Ying v. Phang Mun Mooi & Anor [1986] 1 LNS 7 SC ***(dirujuk)***

Dato' Abul Hasan Mohamed Rashid v. Multi-Code Electronics Industries (M) Bhd & Anor [2012] 1 LNS 258 CA ***(dirujuk)***

Kerajaan Malaysia & Ors v. Lay Kee Tee & Ors [2009] 1 CLJ 663 FC ***(dirujuk)***

Mat Abu Man v. Medical Superintendent, General Hospital Taiping & Ors [1989] 1 CLJ 137; [1989] 1 CLJ (Rep) 98 SC ***(diikuti)***

Merita Merchant Bank Singapore Ltd v. Dewan Bahasa Dan Pustaka [2014] 9 CLJ 1064 FC ***(dirujuk)***

Mohd Hafizuddin Mohd Khar lwn. Ambank (M) Bhd [2017] MLJU 2339 ***(dirujuk)***

Muhamad Saleh Hashim & Ors v. Percon Corp Sdn Bhd [2003] 1 LNS 756 HC ***(dirujuk)***

Nor Azlina Abdul Aziz v. Expert Project Management Sdn Bhd [2017] 5 CLJ 58 CA ***(dirujuk)***

Pengarah Jabatan Pengangkutan Negeri Selangor & Ors v. Sin Yoong Ming [2015] 1 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Residence Hotels and Resorts Sdn Bhd v. Seri Pacific Corp Sdn Bhd [2016] 2 MLJ 640 ***(diikuti)***

Selvaraju Ponniah v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor [2007] 6 CLJ 245 FC ***(dirujuk)***

Syarikat Sebati Sdn Bhd v. Pengarah Jabatan Perhutanan & Anor [2019] 3 CLJ 157 FC ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu ketiga & keempat - Safiyyah Omar; Peguam Persekutuan
Bagi pihak defendan/responden - Norazali Nordin; T/n Maxwell Kenion Cowdy & Jones

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Ipoh; Guaman Sivil: AA-A52NCC-146-08-2019.]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Bhupindar Singh PK:

Pengenalan

[1] Perayu (pihak ketiga yang keempat) telah merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen ("HMS") yang diberikan pada 17 Jun 2020, yang membenarkan notis permohonan minta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga terhadap Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak.

[2] Bagi kemudahan rujukan, pihak-pihak dalam rayuan ini akan dirujuk seperti semasa pendengaran di Mahkamah Sesyen. Perayu iaitu pihak ketiga yang keempat akan dirujuk sebagai "pihak ketiga".

[3] Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak dan mempertimbangkan kes ini secara menyeluruh, mahkamah ini telah membenarkan rayuan pihak ketiga dan mengetepikan perintah yang dibuat oleh HMS. Terkilan dengan keputusan mahkamah ini, defendan telah merayu kepada Mahkamah Rayuan.

Latar Belakang Kes

[4] Plaintif telah memasuki perjanjian sewa beli bertarikh 6 September 2013 dengan defendan untuk pembelian kereta Honda Civic yang mempunyai nombor pendaftaran WUV 2939 ("kereta tersebut"). Menurut plaintif pada 21 Disember 2015, dia telah menerima sepucuk surat daripada Jabatan Pengangkutan Jalan ("JPJ") supaya menghantar kereta tersebut ke JPJ Kuala Lumpur kerana disyaki enjin kereta tersebut telah diusik.

[5] Pada 28 Disember 2015, plaintif telah membawa kereta tersebut ke JPJ Setapak, Kuala Lumpur dan kereta tersebut telah ditahan bagi tujuan pemeriksaan terperinci. Plaintif seterusnya mendakwa bahawa pada 8 Januari 2016, pihak JPJ telah mengesahkan bahawa berdasarkan laporan kimia, kereta tersebut merupakan kereta curi bersangkut Kelana Jaya Repot No. 004962/2013.

[6] Selepas kereta tersebut ditahan oleh pihak JPJ, pada 7 Disember 2016, plaintif telah memfailkan tindakan sivil terhadap defendan melalui Guaman Sivil No. AA-B52NCC-62-12-2016 ('Guaman Sivil 2016'). Dalam Guaman Sivil 2016, defendan telah memfailkan notis permohonan minta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga yang keempat terhadap Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak bertarikh 27 Januari 2017 ("notis permohonan 2017").

[7] Pada 8 Jun 2017, HMS Ipoh telah menolak notis permohonan 2017 dengan kos sebanyak RM500 ditanggung oleh defendan. Defendan tidak berpuas hati dengan keputusan HMS dan telah membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Pada 13 Oktober 2017, Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh telah menolak rayuan defendan dengan kos sebanyak RM2,000. Selepas rayuan defendan mengenai notis permohonan 2017 ditolak oleh Mahkamah Tinggi, defendan tidak merayu kepada Mahkamah Rayuan.

[8] Perbicaraan Guaman Sivil 2016 telah berjalan di Mahkamah Sesyen dan saksi pertama iaitu Zulkifli bin Burhan ("SP1") daripada JPJ Ipoh telah memberi keterangan. Defendan mendakwa semasa keterangan SP1 terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat sistem atau prosedur polis yang akan memaklumkan tentang laporan kecurian kereta secara serta-merta kepada pihak JPJ. Setelah SP1 tamat memberi keterangan, plaintif telah menarik balik Guaman Sivil 2016 dengan kebebasan untuk memfailkan semula.

[9] Mahkamah ini telah meneliti rekod rayuan dalam kes ini dan mendapati tiada apa-apa catatan yang menunjukkan atas alasan apa plaintif menarik balik Guaman Sivil 2016. Nota keterangan mengenai perkara ini juga tidak disertakan dalam rekod rayuan. Hanya terdapat dakwaan daripada defendan yang menyatakan plaintif menarik balik Guaman Sivil 2016 selepas keterangan SP1.

[10] Pada 29 Ogos 2019, plaintif memfailkan semula tindakan sivil yang sama terhadap defendan melalui Guaman Sivil No AA-A52NCC-146-08-2019 ("tindakan ini"). Kemudiannya, defendan telah memfailkan notis permohonan minta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga terhadap Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak pada 15 November 2019 sebagai pihak ketiga yang keempat ("notis permohonan 2019").

[11] Pada 17 Jun 2020, HMS telah membenarkan notis permohonan 2019 dan pihak ketiga telah merayu terhadap keputusan tersebut kepada mahkamah ini.

Prinsip Undang-Undang

[12] Prinsip undang-undang yang mantap adalah bahawa Mahkamah Tinggi selaku mahkamah rayuan agak perlahan untuk campur tangan dalam pendapat atau keputusan fakta yang dibuat oleh mahkamah bicara. Mahkamah hanya akan berbuat demikian sekiranya terdapat kekhilafan fakta atau undang-undang dalam keputusan mahkamah bicara. Mahkamah Rayuan dalam kes *Nor Azlina Abdul Aziz v. Expert Project Management Sdn Bhd* [2017] 5 CLJ 58 telah memberikan garis panduan mengenai perkara ini apabila memutuskan:

> [19] Aggrieved with the decision of the High Court, the plaintiff filed this appeal to this court. We are acutely aware that an appellate court should exercise restraint in reversing findings of fact made at first instance. Unless there is an obvious error, an appellate court would be slow to interfere.
>
> [20] Nevertheless there are occasions when appellate interference is warranted and these occasions have been well set out in numerous cases. Some of these occasions are:
>
> (a) where the trial judge took into account irrelevant considerations and failed to give due weight to relevant considerations (see *Director of Forestry, Sabah & Anor v. Mau Kam Tong & Ors And Another Appeal* [2010] 3 CLJ 377; [2010] 3 MLJ 509);
>
> (b) where there was no proper evaluation of the evidence by the trial judge (see *Lee Nyan Hon & Brothers Sdn Bhd v. Metro Charm Sdn Bhd* [2009] 6 CLJ 626; [2009] 6 MLJ 1);

A (c) where the decision arrived at by the trial court was without judicial appreciation of the evidence (see *Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors* [2004] 4 CLJ 309; [2005] 2 MLJ 1);

(d) where a trial court has so fundamentally misdirected itself, that no reasonable court which had properly directed itself and asked the
B correct questions, would have arrived at the same conclusion (see *Raja Lob Sharuddin Raja Ahmad Terzali & Ors v. Sri Seltra Sdn Bhd* [2008] 2 CLJ 284; [2008] 2 MLJ 87);

(e) where the trial judge was plainly wrong in arriving at his decision (see *Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 CLJ 19; [2003] 2 MLJ 97);
C

(f) where a trial judge had so manifestly failed to derive proper benefit from the undoubted advantage of seeing and hearing witnesses at the trial, and in reaching his conclusion, has not properly analysed the entirety of the evidence which was given before him (see *First Count Sdn Bhd v. Wang Yew Logging & Plantation Sdn Bhd* [2013] 1 LNS
D 625; [2013] 4 MLJ 693 which followed the Privy Council case of *Choo Kok Beng v. Choo Kok Hoe & Ors* [1984] 1 LNS 40; [1984] 2 MLJ 165); and

(g) where the judgment is based upon a wrong premise of fact or of law (see *Perembun (M) Sdn Bhd v. Conlay Construction Sdn Bhd* [2012] 1
E LNS 1416; [2012] 4 MLJ 149).

(lihat: *China Airlines Ltd v. Maltran Air Corp Sdn Bhd & Another Appeal* [1996] 3 CLJ 163; [1996] 2 MLJ 517; *Chung Hwa Ying v. Phang Mun Mooi & Anor* [1986] 1 LNS 7; [1987] 2 MLJ 693 dan *Merita Merchant Bank Singapore Ltd v. Dewan Bahasa Dan Pustaka* [2014] 9 CLJ 1064)

F **[13]** Ia merupakan prinsip asas undang-undang bahawa suatu kes *prima facie* perlu dibuktikan sebelum mahkamah boleh memerintahkan agar notis pihak ketiga dikeluarkan terhadap pihak ketiga yang dicadangkan (lihat: *Muhamad Saleh Hashim & Ors v. Percon Corp Sdn Bhd* [2003] 1 LNS 756; [2003] 6 MLJ 483 dan *Dato' Abul Hasan Mohamed Rashid v. Multi-Code Electronics Industries*
G *(M) Bhd & Anor* [2012] 1 LNS 258; [2012] 5 MLJ 176).

Analisis Dan Dapatan Mahkamah

[14] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan Peguam Persekutuan terpelajar bagi pihak ketiga bahawa tindakan pihak defendan memfailkan
H notis permohonan 2019 dihalang oleh doktrin *res judicata*.

[15] Doktrin *res judicata* merupakan suatu prinsip undang-undang yang mantap dan telah dijelaskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd v. Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 CLJ 783, di ms. 791 dinyatakan:

I

> What is *res judicata*? It simply means a matter adjudged, and its significance lies in its effect of creating an estoppel per rem judicature. *When a matter between two parties has been adjudicated by a Court of competent*

jurisdiction, the parties and their privies are not permitted to litigate once more the res judicata, because the judgment becomes the truth between such parties, or in other words, the parties should accept it as the truth; *res judicata pro veritate accipitur*. The public policy of the law is that it is in the public interest that there should be finality in litigation – interest *rei publicae ut sit finis litium*. It is only just that no one ought to be vexed twice for the same cause of action - *nemo debet bis vexari pro eadem causa*. Both maxims are the rationales for the doctrine of *res judicata*, but the earlier maxim has the further elevated status of a question of public policy.

(penekanan ditambah)

[16] Dalam Guaman Sivil 2016, defendan telah memfailkan notis permohonan 2017 dan merit permohonan ini telah dibicarakan di Mahkamah Sesyen. Selepas notis permohonan 2017 ditolak oleh Mahkamah Sesyen, ia telah dirayu kepada Mahkamah Tinggi. Merit notis permohonan 2017 kemudiannya telah didengar di hadapan Mahkamah Tinggi dan telah ditolak. Melalui tindakan ini, defendan sekali lagi telah memfailkan permohonan yang sama seperti notis permohonan 2017 iaitu notis permohonan 2019. Tindakan defendan ini diestop atau dihalang oleh doktrin *res judicata* kerana kausa tindakan dan isu yang melibatkan perkara yang sama telah dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah sebelum ini. Oleh itu, perkara yang telah dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah tidak boleh dijadikan subjek litigasi semula kerana terdapat penghakiman yang telah memutuskan perkara ini secara muktamad.

[17] Seterusnya, dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Berhad* (*supra*), Mahkamah Agung telah menerangkan bahawa:

Thus, there are in fact two kinds of estoppel per *rem judicatum*. The first type relates to cause of action estoppel and the second, to issue estoppel, which is a development from the first type.

The cause of action estoppel arises when rights or liabilities involving a particular right to take a particular action in Court for a particular remedy are determined in a final judgment and such right of action *ie*, the cause of action, merges into the said final judgment; in layman's language, the cause of action has turned into the said final judgment. The said cause of action may not be re-litigated between the same parties because it is *res judicata*.

...

On the other hand, **the issue estoppel literally means simply an issue which a party is estopped from raising in a subsequent proceeding**. However, the issue estoppel, in a nutshell, from a consideration of case law, means in law a lot more *ie*, that **neither of the same parties or their privies in a subsequent proceeding is entitled to challenge the correctness of the decision of a previous final judgment in which they, or their privies, were parties**. This sounds like explaining a truism, but it is the

A corollary from that statement that is all important and that could have given birth to the controversies alluded to above; the corollary being that **neither of such parties will be allowed to adduce evidence or advance any argument to contradict such decision**. In this respect, we respectfully agree with Peter Gibson J in *Lawdor v. Gray* [1984] 3 All ER 345, 350 who said: "Issue estoppel ... prevents contradiction of a previous determination, whereas cause of action estoppel prevents reassertion of the cause of action".

B

(penekanan ditambah)

[18] Berdasarkan petikan kes *Asia Commercial Finance (M) Berhad* (*supra*) di atas, adalah jelas estopel isu terpakai dalam kes ini. Defendan diestop untuk mengemukakan notis permohonan 2019, iaitu notis pihak ketiga terhadap JPJ kerana isu ini telah didengar dan diputuskan secara muktamad oleh mahkamah semasa mendengar notis permohonan 2017.

C

[19] Mahkamah ini berpendapat bahawa HMS yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang kerana telah gagal mengambil kira estopel isu sedangkan isu yang dibangkitkan dalam notis permohonan 2019 adalah sama dengan isu yang meritnya telah didengar dan diputuskan oleh mahkamah melalui notis permohonan 2017. Oleh yang demikian, doktrin *res judicata* terpakai dalam kes ini.

D

[20] Dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Berhad* (*supra*), Mahkamah Agung juga telah menggariskan bahawa di bawah estopel isu, pihak-pihak yang sama dalam suatu prosiding yang kemudiannya tidak berhak untuk mencabar ketepatan keputusan penghakiman muktamad yang terdahulu, di mana mereka terlibat sebagai pihak-pihak. Dalam tindakan ini, defendan dengan memfailkan notis permohonan 2019 mengenai isu yang sama yang telah diputuskan dalam notis permohonan 2017, secara tidak langsung mencabar ketepatan keputusan dan penghakiman muktamad mahkamah terhadap notis permohonan 2017. Defendan jika tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah Tinggi mengenai notis permohonan 2017 sepatutnya memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan tetapi defendan tidak berbuat demikian.

E

F

G

[21] Dalam kes *Residence Hotels and Resorts Sdn Bhd v. Seri Pacific Corp Sdn Bhd* [2016] 2 MLJ 640, Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

H

[26] The trial judge fell into error when Her Ladyship concluded that estoppel/*res judicata* did not apply and that Singham J's decision in encl. 7 is obiter on the basis that the counterclaim is a separate action with different issues as compared to the main claim. On the facts and circumstances of this case, it is our view that:

I

(a) *res judicata is a substantive rule of law. It means a decision on the 'merits' which disposes once and for all of the matters decided and the same becomes the truth between the parties, so that, except on appeal or other exceptional*

circumstances such as fraud, it cannot be re-litigated between persons bound by the judgment. The doctrine of *res judicata* has developed over the years to extend to issue estoppel as well, the requirements of which are (i) that the same question has been decided; (ii) that the judicial decision which is said to create the estoppel was final; and (iii) that the parties to the judicial decision or their privies were the same persons as the parties to the proceedings in which the estoppel is raised. We are also mindful of the fact that it must be shown that the earlier judgment necessarily and with precision determined the point in issues to constitute *res judicata*;

See (i) *Hoystead v. Taxation Commissioner* [1926] AC 155;

(ii) *Carl-Zeiss-Stiftung v. Rayner & Keeler Ltd & Ors (No 2)* [1966] 2 All ER 536 at p 565;

(iii) *Tong Lee Hwa & Anor v. Lee Yoke San* [1976] 1 MLJ 24 (FC); and

(iv) *Asia Commercial Finance (M) Bhd v. Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 MLJ 189 (SC).

.....

(h) the learned trial judge's views were patently wrong because when *res judicata* is operational, the correctness of the said decision is not a relevant consideration. Even if the decision is not correct in law or fact, *res judicata* gives effect to the policy that the parties to a judicial decision cannot challenge the correctness of a previous decision, except on appeal. The previous decision, whether a determination of law, fact or mixed fact and law, will also form an issue estoppel;

See (i) *Mulkerrins v. Pricewaterhouse Coopers* [2003] 4 All ER 1;

(ii) Paragraph 1.03 at p 2 - *Spencer, Bower & Handley on Res Judicata* (4th Ed); and

(iii) *Jones v. Lewis* [1919] 1 KB 328 (CA) at p 345.

(penekanan ditambah)

Berdasarkan prinsip undang-undang yang diputuskan oleh nas di atas, cara untuk mencabar keputusan Mahkamah Tinggi mengenai notis permohonan 2017, adalah dengan merayu kepada Mahkamah Rayuan. Keputusan yang dibuat terdahulu tidak boleh dicabar dengan memfailkan permohonan yang sama (notis permohonan 2019) dalam tindakan ini kerana dihalang oleh doktrin *res judicata*.

[22] Defendan telah menghujahkan bahawa doktrin *res judicata* tidak terpakai dalam tindakan ini. Ini adalah kerana keterangan mengenai terdapatnya sistem antara pihak polis dan JPJ mengenai pemakluman kereta yang dicuri secara serta-merta hanya diperoleh setelah SP1 memberi keterangan. Notis permohonan 2017, dalam Guaman Sivil 2016, telah

didengar dan dilupuskan sebelum SP1 memberi keterangan. Oleh itu, defendan tidak dapat menggunakan keterangan ini bagi menyokong notis permohonan 2017.

[23] Bagi menyokong hujahan ini, defendan telah merujuk kepada kes *Syarikat Sebati Sdn Bhd v. Pengarah Jabatan Perhutanan & Anor* [2019] 3 CLJ 157; [2019] 2 MLJ 689, yang telah menyatakan keadaan apabila pemakaian doktrin *res judicata* boleh dikecualikan. Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut telah memutuskan:

> [43] It is clear however from decided cases that the circumstances alluded to by the Court of Appeal (*ie*, non consideration of the provisions of the GCA 1949) do not fall within **the exceptions to the doctrine of *res judicata* which are limited to the following situations: fraud or where evidence not available at the original hearing becomes available** (see *Arnold and others v. National Westminister Bank Plc* [1991] 3 All ER 41; [1991] 2 AC 93 and *Hock Hua Bank Bhd v. Sahari bin Murid* [1981] 1 MLJ 143). Whether an 'unjust result' or the justice of the case constitutes a further exception to the doctrine of *res judicata* remains to be seen. For the moment, based on decided cases (as seen above) it is not yet a recognised exception to the doctrine of *res judicata*.
>
> (penekanan ditambah)

Oleh itu, menurut defendan kerana wujudnya keterangan yang tidak dapat dikemukakan semasa pendengaran notis permohonan 2017, maka tiada halangan bagi defendan untuk mengemukakan notis permohonan 2019 dalam tindakan ini.

[24] Berdasarkan afidavit bantahan pihak ketiga yang diikrarkan oleh Zulkifli bin Burhan pada 24 Januari 2020, pertukaran hak milik kereta WUV 2939 telah didaftarkan oleh pihak ketiga pada 5 September 2013. Pendaftaran ini dilakukan selepas pemeriksaan oleh Puspakom pada 27 Ogos 2013 dan setelah sijil pemeriksaan tukar milik B5 dikeluarkan oleh Puspakom (pihak ketiga yang ketiga dalam tindakan ini). Dalam pernyataan tuntutan Guaman Sivil 2016, plaintif menyatakan bahawa kereta WUV 2939 telah ditahan oleh pihak JPJ pada 28 Disember 2015. Pada 8 Januari 2016, setelah pemeriksaan kimia dibuat pihak JPJ telah mengesahkan bahawa nombor pendaftaran asal kereta plaintif ialah WSJ 8938 yang telah disenaraikan sebagai kereta curi berdasarkan Kelana Jaya Repot No. 004962/2013. Oleh itu, fakta bahawa kereta WUV 2939 sebenarnya merupakan kereta curi yang mempunyai nombor pendaftaran WSJ 8938 telah diketahui semasa Guaman Sivil 2016 difailkan.

[25] Pada pandangan mahkamah, andaikan jika terdapat prosedur atau sistem polis yang akan memaklumkan kecurian kereta secara serta-merta kepada JPJ, maka dalam kes ini kereta yang dicuri mempunyai nombor pendaftaran WSJ 8938. Oleh itu, maklumat yang akan disalurkan oleh pihak polis kepada JPJ adalah hanya mengenai kereta WSJ 8938. Semasa

pendaftaran penukaran hak milik kereta plaintif, ia didaftarkan dengan menggunakan nombor pendaftaran WUV 2939 dan bukannya WSJ 8938. Pada masa tersebut, pihak ketiga tidak mengetahui bahawa kereta WUV 2939 sebenarnya ialah kereta curi WSJ 8938.

[26] Perkara ini jelas kerana pihak JPJ hanya mengetahui hal ini setelah penahanan dan pemeriksaan kimia dibuat terhadap kereta WUV 2939. Tambahan pula, SP1 dalam keterangannya juga telah memaklumkan tentang perkara ini:

> PP2: Pada masa tersebut, kereta ini bukan kereta curi. Selepas siasatan apa pendapat?
>
> SP1: Selepas siasatan, selepas siasatan dan laporan kimia, bahawa saya tahu yang kenderaan ini disyaki telah, kenderaan curi.
>
> PP2: Disyaki kenderaan curi?
>
> SP1: Ya, Yang telah diberi oleh Laporan Kimia lah. Jabatan Kimia Malaysia.

Oleh itu, kereta yang ada dalam senarai hitam JPJ ialah kereta di bawah nombor pendaftaran WSJ 8938 kerana kereta ini ialah kereta yang dilaporkan dicuri. Tiada apa-apa laporan kecurian dibuat mengenai nombor pendaftaran WUV 2939.

[27] Tambahan pula, pihak ketiga tidak mempunyai tanggungjawab untuk memeriksa kereta tersebut sebelum pendaftaran penukaran hak milik dilaksanakan dan telah mendaftarkan kereta tersebut berdasarkan pemeriksaan yang dibuat oleh Puspakom. Persoalan sama ada Puspakom menjalankan pemeriksaan yang sewajarnya atau defendan cuai kerana tidak memohon untuk pemeriksaan kimia dijalankan merupakan perkara yang harus ditentukan semasa perbicaraan tindakan ini. Dalam kes *Pengarah Jabatan Pengangkutan Negeri Selangor & Ors v. Sin Yoong Ming* [2015] 1 CLJ 1; [2015] 1 MLJ 1, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan:

> [29] Under s. 13(1) of the Act the existing registered owner, on any change of possession of a motor, is required to forward to the Director a statement in the prescribed form within seven days after such change of possession. The new owner is also required to forward to the Director a statement in the prescribed form together with the registration certification and the prescribed fee within seven days. After they complied with the requirements the new owner is entitled to be registered as the new owner of the motor vehicle. Unlike s. 12 of the Act there is no requirement under s. 13 for the Director to inspect the motor vehicle before the registration of a new owner of the motor vehicle.
>
> [30] As such we are of the view that the first appellant did not breach his duty under s. 13 when he registered the respondent as the new registered owner of the motor car without first inspecting the motor car ...

A **[28]** Bersandarkan alasan di atas, saya berpendapat bahawa isu mengenai terdapat sistem pemakluman daripada polis kepada JPJ secara serta-merta mengenai kenderaan yang dicuri bukanlah merupakan keterangan yang membolehkan pengecualian doktrin *res judicata* terpakai.

B **[29]** Antara tuntutan plaintif terhadap defendan dalam Guaman Sivil 2016 adalah di bawah perjanjian sewa beli dan kecuaian bahawa defendan gagal membuat carian atau pemeriksaan Puspakom atau pemeriksaan lain bagi memastikan kereta tersebut bukanlah kereta curi. Walaupun SP1 memberi keterangan bahawa terdapat sistem pemakluman serta-merta mengenai kecurian kereta daripada pihak polis kepada JPJ, ia tidak memberi apa-apa C kesan kepada tuntutan plaintif. Plaintif tidak mempunyai apa-apa alasan untuk menarik balik tuntutan terhadap defendan dengan kebebasan untuk memfailkan semula. Tindakan plaintif menarik balik Guaman Sivil 2016 bagi membolehkan defendan memfailkan semula notis pihak ketiga terhadap JPJ untuk kali kedua merupakan penyalahgunaan proses mahkamah dan D tidak patut dibenarkan.

[30] Berdasarkan alasan yang dinyatakan di atas sahaja, rayuan oleh pihak ketiga boleh dibenarkan. Isu sama ada defendan mempunyai merit atau kes *prima facie* terhadap pihak ketiga telah ditentukan sebelum ini semasa pendengaran notis permohonan 2017 dalam Guaman Sivil 2016 dan rayuan E permohonan tersebut ke Mahkamah Tinggi. Alasan penghakiman HMS yang bijaksana telah dinyatakan dalam *Mohd Hafizuddin Mohd Khar lwn. Ambank (M) Bhd* [2017] MLJU 2339.

[31] Pada pendapat saya, memandangkan doktrin *res judicata* terpakai dalam tindakan ini terhadap pihak ketiga, maka isu ini tidak perlu F dibincangkan. Berdasarkan kes *Residence Hotels and Resorts Sdn Bhd* (*supra*), walaupun jika sesuatu keputusan itu khilaf dari segi undang-undang atau fakta, ketepatan keputusan itu tidak boleh dicabar kecuali melalui proses rayuan. Oleh sebab tiada rayuan dibuat terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bagi notis permohonan 2017, maka keputusan tersebut merupakan G estopel isu.

[32] Peguam Persekutuan terpelajar bagi pihak ketiga seterusnya menghujahkan bahawa tindakan defendan dihalang oleh had masa di bawah perenggan 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948. Menurut pihak ketiga transaksi penukaran hak milik berlaku pada 5 September 2013, H maka pengiraan masa untuk memulakan tindakan bermula dari tarikh tersebut dan berakhir pada 4 September 2016. Bagi menyokong hujahan ini, pihak ketiga telah bergantung kepada kes *Selvaraju Ponniah v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor* [2007] 6 CLJ 245; [2007] 7 MLJ 1 dan *Kerajaan Malaysia & Ors v. Lay Kee Tee & Ors* [2009] 1 CLJ 663.

I

[33] Tindakan ini melibatkan isu notis pihak ketiga dan saya bersetuju dengan hujahan peguam terpelajar bagi defendan bahawa prinsip dalam kes *Mat Abu Man v. Medical Superintendent, General Hospital Taiping & Ors* [1989] 1 CLJ 137; [1989] 1 CLJ (Rep) 98; [1989] 1 MLJ 226 terpakai dalam kes ini. Mahkamah Agung dalam kes tersebut dengan jelas telah menyatakan bahawa:

> We also do not think that a proceeding under O. 16 of the Rules of the High Court 1980 is intended to be treated in the same way as an action between a plaintiff and a defendant. Third party proceedings for contribution should be regarded as independent of and separate from proceedings by a plaintiff against a defendant. When a defendant is made liable to the plaintiff, he then has his right open against a third party to establish that he possesses a right to contribution or indemnity from the third party. Time should begin to run from the date the defendant is held liable.
>
> Therefore in the case of the third parties before us s. 2 of the Public Authorities Protection Act 1948 should not assist them although the third party notices were issued on 4 January 1985 when the period of 36 months had elapsed by then from the date of the accident (14 July 1981) or the date of the death of the motorcyclist (16 July 1981).

Oleh itu, mahkamah ini mendapati bahawa tindakan defendan tidak dihalang oleh had masa.

Kesimpulan

[34] Akhir kata, berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya berpendapat bahawa doktrin *res judicata* terpakai dalam tindakan ini. Oleh itu, rayuan pihak ketiga dibenarkan dan perintah yang dibuat oleh HMS diketepikan dengan kos RM2,000 tertakluk kepada alokatur.